

**PEMBERITAHUAN PERTANYAANDEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membuat penstrukturan semula emolumen dan elaun Menteri dan Timbalan Menteri bagi mengurangkan kos pentadbiran Kerajaan di samping memastikan perbelanjaan pengurusan wang rakyat secara berhemat.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS TUGAS KHAS)**

1. Pembayaran gaji yang diberikan kepada Anggota Pentadbiran meliputi Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan adalah sepertimana yang termaktub di bawah **Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]**. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat penstrukturan semula emolumen Menteri dan Timbalan Menteri.
2. Emolumen yang diterima adalah bersesuaian dengan tugas, bebanan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Anggota Pentadbiran. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut boleh diberi pertimbangan, sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.